

Manfaat dana kerajaan pasarkan produk dalam talian

Jempol: Golongan peniaga perlu memanfaatkan sepenuhnya dana disediakan kerajaan untuk memasarkan produk secara dalam talian.

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata kaedah itu perlu diteroka sepenuhnya peniaga untuk menjana pendapatan ketika negara dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan COVID-19.

“Ambil peluang memulakan perniagaan dalam talian kerana potensinya amat besar kalau kita fokus melakukannya.

“Jangan putus asa, kita cuba dulu sehingga mahir dan memahami selok-beloknya.

“Hari ini saya melawat usahawan di bawah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

“Kita ingin melihat bagaimana mengusahakan PKS (perusahaan kecil

dan sederhana) berjaya menghasilkan pelbagai produk, insya-Allah akan dapat dipasarkan.

“Saranan saya kepada usahawan ketika PKP ini ialah ambil peluang penuh dengan memulakan perusahaan dan tidak berputus asa.

“Kita dapat melihat perniagaan dalam talian, kerajaan membantu dengan memberi dana untuk memulakan perniagaan dalam talian,” katanya di sini, semalam.

Terdahulu, beliau melawat perusahaan kuih kapit usahawan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) RISDA di Kampung Serting Hilir di sini, yang turut dihadiri Pengerusi RISDA, Datuk Mohd Salim Sharif.

AET adalah program di bawah RISDA, bertujuan menggalakkan pekebun kecil menceburi bidang keusahawanan bagi menjana pendapatan tambahan.

Tengku Zafrul turut merasmi-

kan Pusat Program Pembelajaran Digital dan Multimedia di sini, yang menyediakan kemudahan internet bagi keperluan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

Beliau turut menyerahkan sumbangan tablet kepada 20 pelajar sekolah rendah dan menengah daripada keluarga kurang berkemampuan (B40).

Sementara itu, pengurus pusat berkenaan, Nurul Azma Shafiqah Khairul Azhar, berkata premis itu dilengkapi tujuh komputer riba dan sebuah televisyen pintar bagi kegunaan PdPR.

“Pusat ini baru beroperasi minggu lalu dengan tumpuan keluarga yang mempunyai anak ramai dan tidak cukup peranti bagi keperluan PdPR.

“Sambutan menggalakkan dan pusat ini mampu memuatkan 10 pelajar dengan mengambil kira peniarakan fizikal.” katanva.